

D584

U B526 BAH
PARLIMEN - DARURAT

KUALA LUMPUR, 26 JUN (BERNAMA) -- PINDAAN-PINDAAN YANG DICADANGKAN KEPADA ORDINAN DARURAT (KENTENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 1969 BERTUJUAN MENGHALANG PERINTAH TAHANAN YANG DIBUAT OLEH MENTERI DALAM NEGERI DARIPADA DIPERSOALKAN SELAIN ATAS ALASAN BAHAWA KEHENDAK ACARA PENAHANAN YANG DITETAPKAN OLEH UNDANG-UNDANG TIDAK DIPATUHI, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA, DENGAN PINDAAN YANG MENAMBAH TIGA SEKSYEN BARU IAITU 7C, 7D DAN 7E KEPADA ORDINAN ITU, KEWIBAWAAN DAN KEIKHLASAN MENTERI DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN LAGI.

KETIKA MEMBENTANGKAN PINDAAN ITU BAGI BACAAN KALI KEDUA DI DEWAN RAKYAT PETANG INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KINI SESUATU PERINTAH TAHANAN YANG DIBUAT OLEH MENTERI BOLEH DIPERSOALKAN DI MAHKAMAH DENGAN BERBAGAI-BAGAI CARA.

KATANYA, CARA YANG PALING KERAP DIGUNAKAN IALAH DENGAN CARA WRIT HABEAS CORPUS BAGI MENDAPATKAN PERINTAH MAHKAMAH UNTUK MEMBEBAHKAN ORANG YANG MASIH DITAHAN, YANG SETELAH DIBEBAHKAN BOLEH PULA MEMOHON KEPADA MAHKAMAH UNTUK MENGISYTIHARKAN PENAHANANNYA DAHULU TIDAK SAH DI SISI UNDANG-UNDANG DAN MEMINTA MAHKAMAH MEMBERI PAMPASAN KEPADANYA.

PERMOHONAN KE MAHKAMAH ITU BIASANYA DIBUAT ATAS BEBERAPA ALASAN SEPERTI +MALA FIDE+ ATAU DENGAN NIAT YANG TIDAK BAIK IAITU PERINTAH TAHANAN DIBUAT ATAS ALASAN-ALASAN YANG TERKELUAR DARIPADA TUJUAN UNDANG-UNDANG BERKENAAN DAN SYARAT-SYARAT PENAHANAN TIDAK DIPATUHI SEPENUHNYA, TAMBAHNYA. -- LAGI
2007MST 26 06 89

U B527 BAH
PARLIMEN - DARURAT 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SEJAK AKHIR-AKHIR INI DIPERHATIKAN TELAH WUJUD KECENDERUNGAN MAHKAMAH-MAHKAMAH DI BEBERAPA NEGARA ASING UNTUK MEMAINKAN PERANAN +CAMPURTANGAN+ DAN MENGGANTIKAN KEPUTUSAN PIHAK EKSEKUTIF MEREKA DENGAN KEPUTUSAN MAHKAMAH.

KATANYA, JIKA MAHKAMAH DIBIAR MENGGANTIKAN KEPUTUSAN KERAJAAN DENGAN KEPUTUSAN MAHKAMAH DALAM PERKARA KESELAMATAN NEGARA DAN KETENTERAMAN AWAM, INI BERMAKNA TANGGUNGJAWAB BAGI KESELAMATAN NEGARA TERLETAK PADA MAHKAMAH KERANA MAHKAMAH YANG MENENTUKAN KEPUTUSAN MUKTAMAD MENGENAI PERKARA KESELAMATAN.

+YANG PAKAR DALAM BIDANG KESELAMATAN IALAH PEGAWAI-PEGAWAI DALAM AGENSI KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI KESELAMATAN,+
KATANYA.

+MENTERI BERTINDAK ATAS NASIHAT PAKAR-PAKAR INI DAN PIHAK-PIHAK LAIN TIDAK BOLEH MENGANGGAP DIRINYA SEBAGAI PAKAR DAN HARUS MENERIMA KEPUTUSAN YANG DIASASKAN KEPADA KEPAKARAN,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEHINGGA BARU-BARU INI, KERAJAANLAH YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KESELAMATAN NEGARA DAN KETENTERAMAN AWAM.

KATANYA, +PENGGUNAAN PRINSIP UJIAN SUBJEKTIF TELAH MEMBOLEHKAN KERAJAAN BERTINDAK DENGAN BERKESAN KE ATAS MEREKA YANG MENGANCAM KESELAMATAN DAN KESTABILAN NEGARA.+ -- LAGI
2009MST 26 06 89

U B528 BAH
PARLIMEN - DARURAT 3 KUALA LUMPUR

+ADALAH PERLU KEDUDUKAN INI DIJAMIN MELALUI UNDANG-UNDANG KERANA KERAJAANLAH MERUPAKAN PIHAK BERKUASA YANG PALING LAYAK UNTUK MENIMBANG DAN MENELITI MATLAMAT TERTENTU KHUSUSNYA PERKARA-PERKARA YANG SULIT DAN MEMBUAT KEPUTUSAN TENTANG TINDAKAN PENCEGAHAN DEMI KESELAMATAN NEGARA DAN BUKANNYA MAHKAMAH,+ TAMBAHNYA.

TEGAS PERDANA MENTERI, MAHKAMAH TIDAK DIBERI TUGAS KHUSUS UNTUK MENJAGA DAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KESELAMATAN NEGARA TETAPI BERTANGGUNGJAWAB SECARA UMUM BERKENAAN DENGAN KEADILAN SAJA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DENGAN PINDAAN YANG DICADANGKAN ITU, KERAJAAN BERHARAP HANYA SOAL-SOAL PROSEDUR SAHAJA YANG BOLEH DIPERTIKAIKAN DI MAHKAMAH DAN BUDI BICARA MENTERI UNTUK MENENTUKAN SESEORANG ITU MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA DAN KETENTERAMAN AWAM TIDAK BOLEH DIPERSOALKAN LAGI.

INI BERTUJUAN MEMASTIKAN DENGAN JELAS AKAN PERANAN DAN KUASA EKSEKUTIF KHUSUSNYA MENTERI DALAM NEGERI DAN PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH SESEORANG HAKIM DI MAHKAMAH.

MEMETIK PERANGKAIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEJADIAN JENAYAH ANTARA TAHUN 1980 HINGGA 1988 MENCATATKAN PENINGKATAN SEBANYAK 11 PERATUS IAITU DARIPADA 70,823 KEJADIAN PADA TAHUN 1980 KEPADA 78,497 KEJADIAN PADA TAHUN 1988. -- LAGI
2012MST 26 06 89

U B529 BAH
PARLIMEN - DARURAT 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, JIKA DIANALISIS TAHUN DEMI TAHUN PULA, INDEKS KEJADIAN JENAYAH TERUS MENINGKAT DARI TAHUN 1980 HINGGA 1986 TETAPI INDEKS ITU TELAH TURUN 10 PERATUS PADA TAHUN 1987 BERBANDING TAHUN 1986 DAN TELAH TURUN 7.9 PERATUS DALAM TAHUN 1988 BERBANDING TAHUN 1987.

BELIAU BERKATA YANG MEMBIMBANGKAN IALAH KEJADIAN JENAYAH KEKERASAN SEPERTI BUNUH, ROGOL DAN SAMUN BERSENJATAPI, PADA KESELURUHANNYA MENUNJUKKAN ALIRAN YANG MENINGKAT DENGAN MENCATATKAN INDEKS 7,481 PADA 1980 BERBANDING 11,721 PADA TAHUN 1987 IAITU PERTAMBAHAN SEBANYAK 39 PERATUS.

KIRA-KIRA 80 PERATUS KEJADIAN JENAYAH KEKERASAAN BERLAKU DI WILAYAH PERSEKUTUAN, PULAU PINANG, SELANGOR, JOHOR DAN PERAK DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI MEMANDANG BERAT KEJADIAN DI TEMPAT-TEMPAT ITU KERANA IA BOLEH MENGGANGGU KEMASUKAN PELABUR DAN PELANCONG ASING KE NEGARA INI, KATANYA.

MENURUTNYA, SATU UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAKAN SEJAK TAHUN 1969 UNTUK MEMBANTERAS KEJADIAN JENAYAH KEKERASAN DAN KEGIATAN KONGSI GELAP IALAH ORDINAN DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) YANG DIGUBAL SEBAIK SAHAJA BERLAKUNYA PERISTIWA 13 MEI 1969. -- BERNAMA
2014MST 26 06 89